



KERTAS KERJA

**PENGURUSAN PERTUBUHAN BELIA DI BAWAH
AKTA PERTUBUHAN BELIA DAN
PEMBANGUNAN BELIA 2007**

Oleh :

**Y.BHG. DATO' SUROYA BIN SELAMAT
PEMANGKU PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA
KEMENTERIANBELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

DIBENTANGKAN DALAM Konvensyen Pembangunan Belia "Meneroka Generasi 2057" pada 3 dan 4
September 2007 di Hotel Marriot, Putrajaya

KERTAS KERJA

PENGURUSAN PERTUBUHAN BELIA DI BAWAH

AKTA PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA 2007

1. LATARBELAKANG

- 1.1 Saranan supaya pertubuhan belia didaftar dan dikawalselia oleh Kementerian Selia dan Sukan bermula sejak 1987 selaras dengan fungsinya berkaitan hal ehwal belia.
- 1.2 Kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2000 mengenai kelesuan pertubuhan belia mencadangkan supaya falsafah dan dasar berkaitan pembangunan belia perlu dijadikan peraturan atau undang-undang yang dikuat kuasa.
- 1.3 Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara Sidang I penggal XXIII Tahun 2002 menyarankan agar Kementerian Belia dan Sukan menggubal Akta Pertubuhan Belia.
- 1.4 Teras Sistem Penyampaian di bawah Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional 2004 menggariskan perlunya suatu akta untuk memperkasa semula pertubuhan belia.
- 1.5 Usul Bertulis oleh Majlis Selia Malaysia (MSM) bertarikh 25 Julai 2005 yang menyokong penggubalan Akta Pertubuhan Selia dan Pembangunan Belia oleh Kementerian Belia dan Sukan.
- 1.6 Resolusi Konvensyen Belia Kebangsaan 2005 antara lain menggesa agar Kementerian Belia dan Sukan segera menggubal Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia.
- 1.7 Ucapan YAB Perdana Menteri semasa membentangkan usul Rancangan Malaysia Kesembilan pada 31 Mac 2006 di Dewan Rakyat yang menyentuh tentang pentingnya penggubalan Akta Belia Negara untuk dijadikan kompas panduan hala tuju belia di negara ini.
- 1.8 Keputusan Jemaah Menteri pada 29 November 2006 yang bersetuju agar Kementerian Belia dan Sukan membentangkan Rang Undang-Undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia di Parlimen.

2. SENARIO PENGURUSAN PERSATUAN BELIA MASA KINI

- 2.1. Belia ditakrif sebagai mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun (*Dasar:Pembangunan Belia Negara*). Terdapat 11.1 juta orang belia atau 41.5 % daripada jumlah penduduk negara. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RGS) menganggarkan terdapat 8,859 pertubuhan belia berdaftar di seluruh Negara. Namun begitu, Majlis Belia Malaysia mendapati hanya terdapat kira-kira 3 juta orang belia yang menyertai pertubuhan belia.
- 2.2. Menurut booklet "Fakta Belia" yang diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) baru-baru ini, hasil kajian menunjukkan hanya 18 peratus belia di negara ini yang berminat menyertai persatuan manakala 82 peratus daripadanya tidak berminat menyertai persatuan bagi mengisi masa lapang mereka. Booklet tersebut juga memaparkan bahawa sehingga tahun 2006, terdapat 4,647 persatuan belia yang didaftarkan dalam mana hanya 2,723 persatuan belia yang masih aktif manakala jumlah keahlian persatuan belia keseluruhannya hanya 510,421 orang.
- 2.3. Sehingga hari ini, pendaftaran pertubuhan belia masih di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RGS). Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia, Kementerian Sukan dan Sukan dijangka akan mengambil alih tanggungjawab mendaftar pertubuhan belia sebaik sahaja Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 mula berkuat kuasa nanti.
- 2.4. Sebahagian besar pemimpin dan anggota persatuan belia hari ini adalah dikalangan mereka yang berusia melebihi 40 tahun. Selain tidak menggambarkan identiti belia dari segi takrifan umur, persatuan belia ketika ini dilihat tidak dapat menarik penyertaan sebahagian besar penduduk belia negara ini yang berjumlah 11.1 juta orang.
- 2.5. Hasil kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) pada tahun 2005 mengenai had umur keahlian dan pemimpin persatuan belia mendapati:
 - 2.5.1 74% belia setuju supaya had umur belia dihadkan kepada 40 tahun.
 - 2.5.2 86% belia bersetuju had umur pemimpin belia juga tidak melebihi 40 tahun
- 2.6. Berdasarkan senario pengurusan pertubuhan belia ketika ini, maka Kementerian Belia dan Sukan telah menyedari bahawa:
 - 2.6.1 perlunya mewujudkan satu mekanisme yang lebih sistematik dan berkesan dibawah Kementerian Belia dan Sukan untuk mengurus hal ehwal pertubuhan belia di negara ini;
 - 2.6.2 perlunya mewujudkan mekanisme khusus di bawah Kementerian Belia dan Sukan bagi melaksanakan fungsi penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pembangunan belia

- 2.6.3 perlu adanya suatu Akta yang dapat dijadikan garis panduan oleh pelbagai pihak dalam pendekatan dan pengurusan pembangunan belia selaras dengan Dasar Pembangunan Belia Negara

3. PENGURUSAN PERTUBUHAN BELIA DI BAWAH AKTA

3.1 Tafsiran "Belia" dan "Pertubuhan Belia"

- 3.1.1 'Belia' ditafsirkan di bawah Akta ini sebagai seseorang yang berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak melebihi empat puluh tahun.
- 3.1.2 'Pertubuhan Belia' ertinya mana-mana pertubuhan yang mempunyai ciri-ciri berikut :
 - 3.1.2.1 mempunyai nama yang mengandungi perkataan "belia" atau suatu perkataan yang mempunyai pengertian yang seumpama atau sama dengan belia;
 - 3.1.2.2 kesemua anggotanya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat - puluh tahun atau mana-mana gabungan atau kumpulan pertubuhan yang keanggotaannya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun; dan
 - 3.1.2.3 mempunyai objektif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti belia.

3.2 Tafsiran aktiviti belia

- 3.2.1 Akta ini mentafsirkan "aktiviti belia" sebagai apa-apa aktiviti melibatkan belia yang antara objektifnya termasuklah :
 - 3.2.1.1 untuk membina peribadi belia
 - 3.2.1.2 untuk meningkatkan kesetiaan negara di kalangan belia
 - 3.2.1.3 untuk menyebarkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
 - 3.2.1.4 untuk mewujudkan kesedaran di kalangan belia terhadap unsur dan nilai negatif;
 - 3.2.1.5 untuk membolehkan belia mempunyai kesedaran terhadap kebudayaan, alam sekitar, sukan, kesihatan, kerohanian dan kebajikan sosial;
 - 3.2.1.6 untuk memberikan peluang bagi penyertaan belia dalam program pembangunan komuniti bandar dan luar bandar;
 - 3.2.1.7 untuk memberikan peluang bagi latihan kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan; dan
 - 3.2.1.8 untuk membantu belia menyesuaikan diri dan membentuk sikap positif dalam menghadapi cabaran dan desakan hidup melalui penggunaan komponen pendidikan dan kemahiran hidup.

3.3 Kesan langsung Akta ke atas Pertubuhan Belia

- 3.3.1 Pertubuhan belia yang sedang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 hendaklah memohon untuk didaftar di bawah Akta ini dalam masa 12 bulan dari tarikh kuatkuasa Akta ini;
- 3.3.2 semua pemimpin dan ahli pertubuhan belia yang akan didaftar di bawah Akta ini hendaklah berumur tidak kurang lima belas tahun dan tidak melebihi empat puluh tahun;
- 3.3.3 Pertubuhan belia perlu meminda perlembagaan masing-masing setakat yang tidak bersesuaian dengan peruntukan di bawah Akta ini;
- 3.3.4 Sehingga pendaftarannya diluluskan di bawah Akta ini, sesebuah pertubuhan belia tersebut disifatkan masih berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan boleh terus bergiat aktif;
- 3.3.5 Semua pertubuhan belia yang baru ditubuhkan dan belum berdaftar perlu didaftarkan di bawah Akta ini sebaik sahaja Akta mula berkuatkuasa;
- 3.3.6 Pertubuhan lain yang ditubuh melalui Akta Parlimen lain seperti Persatuan Pandu Puteri, Persekutuan Pengakap, St. John Ambulans dan Persatuan Bulan Sabit Merah tidak perlu didaftarkan di bawah Akta ini.
- 3.3.7 Pemimpin pertubuhan belia yang dipilih atau dilantik memegang jawatan hendaklah berumur tidak kurang lima belas tahun dan tidak melebihi empat puluh tahun
- 3.3.8 Akta ini juga menghadkan tempoh memegang jawatan sebagai Ketua dalam pertubuhan belia di peringkat kebangsaan iaitu hendaklah tidak melebihi 6 tahun secara berterusan manakala pemegang jawatan lain di semua peringkat tidak dihadkan tempohnya dengan syarat belum melebihi umur 40 tahun.
- 3.3.9 Sebarang pertikaian yang berlaku dalam pertubuhan belia yang tidak dapat diselesaikan boleh dirujuk kepada Pendaftar untuk keputusannya dan sekiranya tidak berpuashati dengan keputusan Pendaftar, rayuan boleh dibuat kepada Panel Penyelesaian Pertikaian dan seterusnya rayuan kepada Menteri.

3.4 Majlis Belia Malaysia selaku Badan Induk Pertubuhan Belia Di peringkat Kebangsaan

- 3.4.1 Majlis Belia Malaysia adalah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang menggabungkan dan menyelaraskan semua pertubuhan belia yang bergabung dengannya.
- 3.4.2 Fungsi selaku sebuah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan termasuklah :
 - 3.4.2.1 untuk menyalurkan suara belia: kepada kerajaan;

- 3.4.2.2 untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam menjalankan program dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan belia; dan
- 3.4.2.3 untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain di bawah Akta ini.

4. PENUTUP

Pelaksanaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 ini boleh dianggap sebagai titik tolak kepada perubahan pengurusan pertubuhan belia menghadapi cabaran masa depan yang mendatang. Peredaran masa dan arus globalisasi telah menuntut banyak perubahan dilakukan dalam sesuatu organisasi termasuk pertubuhan belia. Selain perlu kembali kepada landasan yang betul, pengurusan pertubuhan belia di masa hadapan perlu mengambil kira keperluan dan kehendak generasi muda yang lahir dalam era teknologi baru dan alam siber. Tahun 2057 merupakan zaman yang penuh dengan perubahan baru dalam semua bidang. Pengurusan pertubuhan belia perlu mampu menjangkakan keperluan dan kehendak generasi muda 50 tahun akan datang.